

BAB 6

KESIMPULAN

6.1 Kesimpulan

Perbandingan kepercayaan merupakan satu analisis yang penting kerana ia membekalkan nilai ilmiah yang boleh dijadikan kajian yang berguna. Konsep kepercayaan, hidup dan berkembang di kalangan masyarakat sebagai satu yang ritual meliputi upacara dan pemujaan yang kemudian timbul sebagai satu agama. Keadaan ini sering berlaku kepada agama Shinto yang berkembang hasil kepercayaan masyarakat kepada sesuatu benda sebagai manifestasi Tuhan yang dipanggil *Kami*.

Sementara agama Islam merupakan agama wahyu yang tidak mengalami sebarang perubahan sama ada dari segi kepercayaan, ibadat, kandungan kitab suci dan sebagainya. Semenjak dari mula sampai ke akhir agama Islam mengekalkan ajarannya yang tulen iaitu bertauhidkan Allah.

Peradaban Jepun dan peradaban Islam merupakan peradaban yang besar dan mempunyai nilai ketamadunan yang tinggi. Ketinggian peradaban dan ketamadunan mereka boleh dikaitkan dengan kepercayaan kepada agama mereka. Elemen-elemen kepercayaan dalam peradaban Jepun walaupun wujud dalam keadaan bercelaru dan sukar difahami tetapi atas kebijaksanaan masyarakat Jepun di dalam mengasamaliasikan dan menyesuaikan sesuatu dengan peradaban mereka membolehkan kepercayaan luar juga dapat disesuaikan dengan kepercayaan asal masyarakat Jepun. Penyesuaian ini adalah menarik dan melibatkan aliran-aliran kepercayaan seperti Buddha, Konfucian, Taoisma dan Kristian disesuaikan dengan agama asal masyarakat Jepun iaitu Shinto. Aliran agama ini dipilih dalam analisis ini kerana ia mempengaruhi sebahagian besar ritual kehidupan masyarakat Jepun dalam peradabannya. Penyesuaian aliran kepercayaan tersebut tidak melibatkan pertelingkahan dan antaranya saling melengkapi.

Walaupun terdapat pelbagai aliran kepercayaan dalam peradaban Jepun, agama Shinto tetap menjadi aliran agama yang utama. Ini kerana, melalui agama Shinto membolehkan penerimaan kepada aliran kepercayaan-kepercayaan lain. Konsep *kami* membawa ajaran bahawa sesuatu benda adalah manifestasi Tuhan membolehkan mereka menerima patung-patung Buddha sebagai Tuhan atau dewa dewi.

Namun demikian, dalam peradaban Islam melalui agama Islam aliran kepercayaanya adalah jelas iaitu bertauhidkan Allah iaitu dengan mengakui bahawa hanya Allah sahaja yang berkuasa di atas segalanya. Kepercayaan Islam adalah lebih mudah untuk difahami kerana ajarannya tidak berbelit-belit dan menyakinkan. Oleh itu, tidak hairanlah Islam berjaya memecahkan dominasi golongan jahiliah Arab dan seterusnya membentuk peradaban Islam yang unggul.

Nabi Muhammad s.a.w. adalah orang yang bertanggung jawab menyebar dan menyebabkan Islam bangkit dan membentuk peradabannya yang tersendiri. Beliau merupakan nabi dan rasul akhir zaman. Wahyu diberikan kepada beliau melalui utusan Allah iaitu malaikat Jibrail. Wahyu-wahyu tersebut dikumpulkan dan menjadi sebuah kitab yang dipanggil “*al-Quran*” yang menjadi sumber kepada peradaban Islam. Ini kerana di dalam al-Quran terdapatnya segala perkara yang patut diketahui oleh manusia seperti sistem pentadbiran, politik, ekonomi, sosial, hukum hakam, ibadat dan sebagainya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah orang Islam percaya bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang paling besar dan akan kekal sehingga hari kiamat.

Selain itu, kesan kehidupan beragama dalam masyarakat Jepun telah melahirkan pelbagai konsep. Konsep-konsep inilah yang diamalkan di dalam masyarakat yang

membentuk identiti sesuatu masyarakat dan seterusnya peradaban masyarakat tersebut. Konsep-konsep ini seperti konsep Bushido, On, Haji, Jimyaku, Wa, Yin dan Yang, Karuna dan Ki. Kesannya melahirkan masyarakat Jepun yang rajin bekerja, taat kepada ketua, bekerja secara berkumpulan, tidak mementingkan diri sendiri, dan menghormati tetamu.

Dalam peradaban Islam juga terdapatnya konsep-konsep yang mendasari kehidupan masyarakat Islam. Konsep-konsep seperti takwa, ukhuwwah Islamiyah, keadilan, sejahtera, sama rata, galakan bekerja dan lain-lain. Konsep-konsep ini jika diperhatikan dari segi maksud dan intipatinya didapati mempunyai banyak persamaan dengan konsep-konsep yang terdapat dalam peradaban Jepun. Misalnya, sikap rajin bekerja dalam Islam mempunyai persamaan dengan identiti masyarakat Jepun, begitu juga dengan sikap malu yang ada dalam diri orang-orang Jepun juga ada dalam Islam. Begitu juga dengan konsep-konsep lain, sememangnya peradaban Jepun dan peradaban Islam mempunyai konsep-konsep yang mempunyai maksud yang sama dan seterusnya akan membentuk identiti satu-satu peradaban.

Jika dilihat dan dinilai dari segi kepercayaan, maka didapati peradaban Jepun bangkit bukan kerana kepercayaannya kepada agama mereka tetapi lebih kepada konsep-konsep yang wujud dalam diri orang-orang Jepun itu sendiri yang membentuk sikap orang Jepun. Oleh itu, kejayaan Jepun dalam bidang teknologi adalah kerana sikap mereka yang ada dalam masyarakatnya. Peradaban Islam pula, pada masa sekarang mengalami kemunduran dan boleh bangkit kembali jika mengamalkan apa yang ada dalam kepercayaan mereka dan kembali bertauhidkan Allah. Ini telah dibuktikan di zaman Rasullullah dan Khalifah al-Rashidin.

Lanjutan daripada itu, satu perkara yang perlu diambil perhatian yang serius tentang kemunculan tamadun dan peradaban Jepun ialah tentang kepayahan dan kesengsaraan hidup manusia Jepun sedangkan peradaban Islam pula lahir kerana Allah s.w.t. telah melantik pesuruhnya (Nabi Muhammad s.a.w.) sebagai rasul dan menerima wahyu dan kemudianya menyebarkannya kepada umat manusia.

6.2 Punca-punca Kelemahan Peradaban Islam

Dewasa ini, jika dibuat perbandingan antara peradaban Jepun dan peradaban Islam kita akan mendapati peradaban Islam berada pada tahap yang paling lemah dan mundur serta banyak bergantung kepada peradaban luar untuk pembangunan peradaban Islam sendiri khasnya daripada peradaban Jepun. Peradaban Islam sekarang bukan sebagaimana zaman kegemilangannya dulu, keadaan ini berlaku kerana masyarakat Islam pada masa itu penuh dengan semangat dan roh Islam. Mereka percaya dan meletakkan diri mereka kepada Islam dan hanya Allah s.w.t. sahaja tempat memohon pertolongan.

Tetapi kemudianya, ajaran Islam sekarang ini hanya wujud dalam bentuk-bentuk lahir sahaja tanpa sebarang roh Islam di dalamnya. Ibadat puasa, sembahyang dan haji merupakan sebagai ibadat-ibadat dan lahir dan tidak ada jiwanya lagi.¹ Islam hanya wujud sebagai simbol semata-mata dalam negara Islam sendiri dan perlaksanaan hukum hakam dan pentadbiran Islam sukar dilaksanakan malahan negara Islam lebih suka mengambil elemen-elemen daripada negara barat sebagai ikutan yang dikatakan mengikut perkembangan semasa. Keadaan ini menyebabkan peradaban Islam semakin lemah dan kepercayaannya semakin terpinggir.

Sebab lain yang menyebabkan kelemahan kepada peradaban Islam ialah disebabkan kejihilan yang menyelubungi dunia Islam dari segi cerdik pandai dan golongan ilmuan yang berkurangan. Keadaan ini cukup jelas berlaku dalam bidang-bidang seperti pengetahuan moden misalnya sains, kimia, teknologi dan sebagainya. Sementara kita masih mengekalkan cara primitif dan jika adapun masih ditahap yang mundur disebabkan kekurangan di dalam penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*). Pernah dibuat perbandingan bahawa “satu bangsa itu kalau diturunkan bala dengan lahirnya seorang gila, maka itu adalah lebih baik dari diturunkan bala dengan separuh berilmu”. Ini kerana orang-orang yang separuh berilmu itu akan sentiasa meniru dan tidak dapat mencipta sesuatu yang baru.²

Faktor yang keseterusnya yang menyebabkan kelemahan peradaban Islam ialah sikap pemimpin Islam itu sendiri. Ini kerana, pemimpin-pemimpin Islam lebih suka hidup berlebih-lebihan seperti meminum arak, berpoya-poya dengan wanita terutama di kalangan raja-raja. Mereka seolah-olah memandang rakyat jelata sebagai hak milik mereka dan boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakinya. Mereka boleh menggunakan rakyat untuk mendapatkan sesuatu bagi memenuhi kehendak nafsu mereka. Ulama-ulama pula bermuka-muka dengan mereka dan memandang dengan sebelah mata sahaja dengan keburukan yang mereka lakukan.³

Sebab terakhir yang menjadi punca kelemahan peradaban Islam ialah sifat kikir untuk berkorban dan keinginan untuk berjaya tanpa bersusah payah. Keadaan ini berlaku kerana mereka lebih sayangkan harta benda berbanding dengan diri mereka sendiri. Pengorbanan dalam diri mereka seolah-olah tiada dan mereka lebih sayangkan harta benda berbanding diri mereka sendiri. Masyarakat Islam telah dihalang untuk berkorban kerana cintakan hidup dan bencikan mati.

Punca kepada kejatuhan dan kelemahan peradaban Islam yang sebenarnya ialah kerana kepercayaan mereka kepada Islam yang semakin lemah dan terhakis. Masyarakat Islam kalah kepada serangan musuh Islam yang melancarkan serangan secara halus untuk menghancurkan Islam seperti cara berpakaian, hiburan, dan sebagainya. Akhirnya, peradaban Islam mengalami kemunduran dan peluang ini digunakan oleh musuh Islam untuk menjatuhkan Peradaban Islam di satu-satu negara sebagai mana berlaku ke atas negara Sepanyol.

6.3 Saranan

Di sini penulis ingin mengambil peluang memberikan pendapat dan saranan yang dianggap berguna untuk pembangunan tamadun seluruhnya khasnya tamadun Jepun dan Islam. Berikut ditunjukkan saranan-sarana berkaitan untuk direnungi dan dibuat tindakkan oleh ke dua-dua belah pihak.

6.3.1 Saranan Kepada Peradaban Islam

Perubahan perlu dibuat daripada peringkat bawah hingga ke peringkat atas jika Islam ingin mengembalikan kegembilangan peradabannya. Perubahan yang hendak dibuat semestinya mestilah menyentuh punca dan faktor yang yang diterangkan tadi yang membawa kepada kelemahan peradaban Islam itu sendiri. Tindakan pertama yang harus diambil ialah menanamkan semangat cintakan agama Islam dengan menanam kepercayaan kepada Allah s.w.t. sebagai asas utama dan melaksanakan elemen-elemen Islam di dalam segala kehidupan bermasyarakat bermula daripada pentadbiran, perlaksanaan hukum hakam, pendidikan, hinggalah pembinaan keluarga bahagia.

Dengan cara ini akan melahirkan para syuhadah yang sanggup bermatian untuk menegakkan Islam.

Islam seharusnya sedar bahawa bayi-bayi yang dilahirkan adalah seumpama permata yang harus digilap sebab dia merupakan manusia yang akan mencorakkan sistem pentadbiran dan seterusnya pembangunan peradaban Islam masa depan. Ia akan membesar dan akan menjadi kanak-kanak dan pada tahap ini mereka akan menerima apa saja ilmu pengetahuan yang disalurkan kepada mereka. Ppendedahan pertama mengenai Islam seharusnya dilakukan pada tahap ini supaya mereka menyintai agama Islam dan sedar akan kepentingan agama Islam dan pembentukkan peradaban Islam supaya mereka tidak dizalimi. Usaha menanam nilai-nilai keilmuan akan melahirkan cerik pandai dan pakar-pakar dalam bidang masing-masing di masa depan yang akan mencorakkan perkembangan dunia Islam. Para ilmuwan dan cerdik pandai tersebut akan memberikan pendapat dan menggunakan ilmu mereka untuk kemajuan dan pembangunan peradaban Islam.

Umat Islam juga mesti mempunyai jiwa penakluk sebagaimana pejuang Islam zaman keagungan Islam. Penakluk di sini bermaksud umat Islam mesti dapat menguasai sains dan teknologi untuk menyaangi masyarakat bukan Islam. Umat Islam dan negara Islam juga mesti bersama untuk membaiki taraf hidup dan ekonomi maing-masing supaya dihormati oleh bangsa-bangsa lain.

Dari sini, para pemimpin yang berkebolehan dan berkaliber akan dapat dilahirkan dan mempunyai idea untuk pembangunan dan kemjuan peradaban Islam itu sendiri. Pemimpin-pemimpin yang berpegang kepada agama Islam dan mempunyai kesedaran keislaman yang tinggi tidak akan menggunakan kesempatan dan peluang yang diberikan

kepada mereka untuk kepentingan diri mereka kerana mereka sedar ia adalah salah dari segi agama dan kepercayaan mereka serta akan mendapat azab seksa di akhirat kelak.

Begitu juga dengan sikap mementingkan dunia di mana ia juga mempunyai perkaitan dengan Islam. Jika seseorang itu mempunyai pegangan agama yang kukuh mereka tidak akan menerima sesuatu yang haram dan tidak akan sanggup melihat Islam dihina dan dipandang rendah. Apabila perasaan cinta kepada agama Islam berada dalam diri mereka, maka mereka tidak akan bertangguh tangguh lagi untuk berjuang bersama Islam kerana mereka menyedari balasan yang baik yang akan diperolehi mereka jika berjuang dengan jalan yang benar. Masyarakat Islam yang mencintai Islam akan turut mencintai mati syahid sebab mereka tahu balasan syurga kepada mereka yang mati syahid.

Dalam usaha untuk mengembalikan peradaban Islam juga kita tidak boleh lari daripada memperkatakan tentang konsep-konsep yang terdapat dalam Islam itu sendiri. Konsep-konsep ini jika dilaksanakan dengan bersungguh sungguh dan menjadi sebahagian daripada disiplin hidup masyarakat Islam hingga menjadi satu budaya, maka tidak mustahil Islam akan dapat bangkit sebagai satu kuasa yang digeruni dan dihormati sebagaimana di zaman rasulullah dan khalifah al-Rashidin. Peradaban Jepun dapat bangkit menjadi sebuah peradaban yang dihormati kerana budaya mereka seperti rajin bekerja, bekerja berkumpulan, tidak mementingkan diri sendiri, mementingkan mutu dan kualiti dan sebagainya. Sedangkan sifat-sifat tersebut terdapat dalam peradaban Islam dan Islam boleh bangkit lebih daripada itu kerana negara-negara Islam mempunyai simpanan bahan mentah yang banyak yang sangat diperlukan oleh dunia.

Oleh itu, dalam usaha mengembalikan kegembilangan peradaban Islam kita seharusnya memberikan penekanan kepada menanamkan semangat cintakan kepada Islam terlebih dahulu dan baru kepada perkara-perkara lain seperti menimba ilmu pengetahuan ke arah melahirkan cerdik pandai dan cendekiawan Islam. Tindakan ini penting supaya terdapatnya kesinambungan ke arah pembinaan masyarakat berilmu dan berpengetahuan. Selain itu, pemimpin yang benar-benar berkaliber dan mempunyai latar belakang pendidikan agama adalah penting untuk pembinaan peradaban Islam disamping individu-individu yang sanggup mati syahid demi Islam. Perlaksanaan konsep-konsep yang melahirkan sikap-sikap yang positif juga penting yang akan membentuk identiti sesuatu masyarakat setelah ia menjadi satu budaya dalam masyarakat tersebut. Kerjasama dari segi politik dan pengaruh umat Islam seharusnya dikekalkan supaya masyarakat bukan Islam tidak akan dapat menindas umat Islam tetapi keadaan ini yang berlaku sekarang disebabkan kesilapan umat Islam sendiri. Pendek kata, cara untuk peradaban Islam menjadi sebuah peradaban yang dihormati dan disegani tidak lain ialah dengan menguasai ilmu sains dan teknologi (*information technology*), mengukuhkan ekonomi dan pengaruhnya di dunia (perpaduan).

6.3.2 Saranan Kepada Peradaban Jepun

Peradaban Jepun merupakan sebuah peradaban yang unik dan kompleks. Kebangkitannya dalam masa yang singkat selepas kehancuran dalam Perang Dunia ke II merupakani sesuatu yang menakjubkan. Keadaan sedemikian boleh berlaku dalam Jepun disebabkan mereka berpegang kepada kepercayaan dan etika kehidupan mereka berlandaskan Shinto, Buddha dan Konfucian. Keadaan ini telah melahirkan sikap sebuah masyarakat yang buat kerja secara berkumpulan, dedikasi dan rajin semasa bekerja

membolehkan ia bangkit dan memberikan persaingan kepada tamadun-tamadun besar dunia khasnya negara barat.

Apa yang diharapkan ialah supaya Jepun dapat mengekalkan tradisinya dan tidak terikut-ikut dengan budaya dari barat sebagaimana yang telah berlaku kepada negara-negara asia yang lain. Masyarakat Jepun juga seboleh-bolehnya cuba mencari kunci kepada kepercayaan mereka. Mengikut En. Jaafar Jambi,⁴ Keadaan ini berlaku di mana mereka seolah-olah tidak berpaksikan kepada ketuhanan walaupun mereka mengakui mereka beragama Buddha ataupun Shinto.

Mereka hanya mengamalkan agama mereka apabila perlu sahaja terutama di masa kesusahan dan perayaan. Bagi golongan bukan sami mereka akan pergi ke kuil semasa perayaan atau dikala menimpa malapetaka sahaja untuk meminta bantuan daripada Tuhan mereka.⁵ Ini menggambarkan bahawa mereka mempercayai kepada kewujudan Tuhan tetapi masih ragu-ragu dalam kepercayaan mereka. En. Jaafar Jambi juga menegaskan bahawa masyarakat Jepun melihat agama sebagai sesuatu yang telah berlalu walaupun mereka mempercayai dosa pahala.

Dewasa ini kelihatan peradaban Jepun lebih sukar mempertahankan kebudayaan mereka memandangkan kebanyakkan masyarakat atau generasi baru sudah melupai perjuangan generasi terdahulu. Oleh itu tidak hairanlah ada sesetengah pendapat mengatakan masyarakat Jepun adalah lebih barat daripada negara barat. Keadaan ini menggambarkan peradaban Jepun juga dalam keadaan bahaya jika pemantauan tidak dibuat terhadap generasi muda maka aspek-aspek tradisi bangsa Jepun akan terhakis sedikit-sedikit dan akhirnya lahir sebuah peradaban Jepun baru yang berpaksikan barat dan melupai kebudayaan sendiri.

6.4 Kata Penutup

Semoga usaha yang kecil dan penuh dengan kekurangan ini dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada para pembaca tentang aspek-aspek kepercayaan yang terdapat dalam peradaban Jepun dan peradaban Islam dalam bentuk perbandingan. Akhir kata, penulis memohon kemaafan dari Allah s.w.t. semoga penulis sentiasa berada dalam taufiq dan hidayahnya.

Nota hujung

¹ Dr. Ahmad Amin, , “*Islam Sepanjang Zaman*”, (Terj: Hj. Dusuki Hj. Ahmad), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 128.

² Ibid, hal. 128.

³ Ibid, hal. 129.

⁴ En. Jaafar Jambi merupakan Pensyarah Bahasa Jepun Pusat Asasi Sains. Beliau memulakan perkhidmatan belia sebagai pensyarah Bahasa Jepun bermula 1995 hingga sekarang. Sebelum itu beliau belajar di Jepun selama 5 tahun dengan mengikuti kelas intensif bahasa di Institut Student Institut selama setahun dan 4 tahun di Universiti Bunkyo dalam bahasa dan kesusteraan Jepun.

⁵ En. Jaafar Jambi, “*Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Peradaban Jepun*”, 21 Ogos 2001, 8.00-9.00 pagi.